



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	25/6/2021	MUKA SURAT	:	26
JABATAN	:	PERHILITAN			

Ular sawa enam meter ditangkap

LIPIS: Seekor ular sawa batik seberat 100 kilogram ditangkap Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Lipis di Taman Sri Tempoyang, di sini, semalam.

Pegawai APM Daerah, Mohd. Azhar Yusof berkata, anggotanya menerima panggilan kira-kira pukul 6.15 pagi semalam daripada seorang penduduk memaklumkan terdapat bunyi bising di bangsal berhampiran rumahnya.

“Sebelum ditangkap, ular sawa itu sempat membelit seekor babi, namun, terlepas daripada dibaham,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Anggota APM terlibat mengambil masa 10 minit untuk menangkap ular sawa sepanjang enam meter itu.